



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

TIGA SAINTIS MUDA MALAYSIA TERPILIH SERTAI MESYUARAT NOBEL LAUREATE LINDAU KE-74

KUALA LUMPUR, 16 JUN 2025 – Malaysia sekali lagi mencipta nama di pentas sains antarabangsa. Tiga saintis muda cemerlang terpilih untuk menghadiri Mesyuarat Nobel Laureate Lindau ke-74 yang berprestij di Jerman pada bulan Jun ini. Mesyuarat ini akan menghimpunkan Pemenang Anugerah Nobel bersama saintis generasi baharu. Dijadualkan berlangsung bermula pada 29 Jun hingga 4 Julai 2025, mesyuarat pada tahun ini akan memfokuskan kepada bidang kimia dan dijangka bakal menghimpunkan sekitar 35 Penerima Hadiah Nobel serta lebih 600 saintis muda dari 84 buah negara.

ChM Nur Diyan Mohd Ridzuan, 30, calon PhD dalam Sains Gunaan melalui Penyelidikan (Kimia Gunaan) dari Universiti Teknologi Petronas; Ts Dr Ana Masara Ahmad Mokhtar, 34, Pensyarah Kanan di Bahagian Teknologi Bioproses, Pusat Pengajian Teknologi Industri, Universiti Sains Malaysia dan ChM Dr Mak Kit Kay, 33, Pensyarah di Jabatan Kimia Farmaseutikal, Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) merupakan saintis Malaysia yang terpilih.

Mesyuarat Nobel Laureate Lindau yang diasaskan pada tahun 1951, telah menggalakkan dialog antara generasi, disiplin sains dan budaya selama lebih 70 tahun. Mesyuarat tahunan ini memberi fokus kepada sesuatu disiplin secara bergilir-gilir dan berperanan sebagai platform unik bagi saintis muda yang berpotensi untuk berinteraksi dengan penerima Hadiah Nobel melalui aktiviti syarahan, perbincangan panel dan sesi santai.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Chang Lih Kang, menyifatkan penyertaan ini sebagai satu peluang transformatif untuk para saintis muda Malaysia. “Penyertaan tiga saintis muda ke Mesyuarat Nobel Laureate Lindau adalah bukti keupayaan bakat tempatan kita bersaing di pentas antarabangsa. Ini selaras dengan komitmen MOSTI dalam membina generasi saintis masa depan melalui pelaburan jangka panjang dalam pembangunan bakat STEM. Kami percaya bahawa interaksi dengan pemikir dan penerima Hadiah Nobel akan memperluas horizon para penyelidik muda negara, dan memberi inspirasi kepada lebih ramai belia untuk menyertai bidang sains, teknologi dan inovasi.”

Seiring dengan visi berkenaan, Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc menjelaskan, “Usaha berterusan kami menghantar saintis muda Malaysia ke Mesyuarat Nobel Laureate Lindau setiap tahun adalah bukti komitmen ASM dalam melahirkan bakat saintifik bertaraf dunia. Saintis muda kita berpeluang memperkenalkan penyelidikan dan kepakaran mereka dalam mesyuarat ini, yang mungkin dapat membuka peluang kerjasama bersama saintis di fasiliti bertaraf dunia. Perlu dinyatakan bahawa kebanyakan saintis-saintis ternama dunia pernah menghadiri Mesyuarat Nobel Laureate Lindau pada peringkat awal kerjaya mereka, termasuk Jaringan Pakar ASM.”

Program berdurasi seminggu ini memberi peluang kepada para peserta berinteraksi dengan Penerima Hadiah Nobel dalam pelbagai persekitaran rasmi dan tidak rasmi. Format program ini antaranya membabitkan syarahan oleh Penerima Anugerah Nobel yang membentangkan penyelidikan perintis mereka, Perbincangan Agora untuk dialog interaktif, serta perbincangan panel yang menyentuh isu-isu global yang mendesak. Acara ini turut menyediakan pelbagai peluang menjalinkan rangkaian, membolehkan saintis muda berkongsi penyelidikan dan membina hubungan kolaboratif bersama rakan serta mentor dari seluruh dunia.

Sejak tahun 2004, ASM sebagai badan pencalon rasmi, telah mengenal pasti dan mencalonkan saintis yang berpotensi setiap tahun untuk dinilai oleh Panel Semakan Saintifik Mesyuarat Nobel Laureate Lindau. Dengan penyertaan tahun ini, seramai 89 saintis Malaysia telah menyertai Mesyuarat Nobel Laureate Lindau sehingga hari ini.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
16 JUN 2025**





Kit Media: [Lindau 2025](#)

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Korporat, Akademi Sains Malaysia

Syakirah Nurizzati Mohamad Hood

syakirah.nurizzati@akademisains.gov.my

(+6017 678 0925)